

13 MAC 2018

## Sorok ganja dalam Honda curi

Polis tahan dua lelaki, rampas pelbagai dadah bernilai RM282,260 di Gua Musang

# Sorok ganja dalam Honda curi

Oleh MOHAMAD HANIF SAMSUDIN

**K**OTA BHARU — Cubaan dua lelaki membawa bekalan dadah disyaki ganja dan syabu bernilai RM282,260 menggunakan sebuah kereta curi jenis Honda Insight Hybrid terbongkar selepas mereka ditahan dalam sekitar jalan di Jalan Jeli-Gua Musang dekat Kampung Meranto, Gua Musang Jumaat lalu.

Kedua-dua suspek berusia 35 dan 39 tahun itu ditahan kira-kira pukul 6 petang dipercayai ketika dalam perjalanan untuk menghantar bekalan dadah ke Pantai Barat.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Hasanuddin Hassan berkata, pihak polis kemudian menahan kereta tersebut selepas ia dilihat dipandu dalam keadaan mencurigakan.

Katanya, sebaik polis meminta mematikan enjin, kedua-dua suspek cuba melarikan diri namun berjaya ditangkap selepas berlaku pergolatan.

"Hasil pemeriksaan di dalam bonet kereta telah menjumpai 94 bungkus plastik berisi ketulan mampat daun kering disyaki ganja seberat 94 kilogram.

"Dua peket plastik berisi ketulan kristal disyaki syabu turut ditemui di dalam poket seluar suspek berusia 35 tahun," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK)



HASANUDDIN (tiga dari kanan) menunjukkan ketulan ganja yang dirampas pada sidang akhbar di IPK Kelantan, Kota Bharu semalam.

Kelantan di sini semalam.

Jelas beliau, pemeriksaan lan-

jut kemudian menemui wang tunai RM4,600 selain botol plas-

titik berisi cecair hitam sebanyak 200 milliliter disyaki dadah yang disimpan di dalam papan pemuka kereta tersebut.

Menurutnya, bekalan dadah itu dipercayai untuk dihantar dan dijual di Pahang, Johor Bahru, Johor dan Kuala Lumpur memandangkan permintaan tinggi di negeri berkenaan.

"Siasatan awal mendapati bekalan ganja itu diperoleh dari pada seorang lelaki tempatan di

pengkalan haram di Kampung Lubok Gong, Rantau Panjang dekat sini.

"Kenderaan yang digunakan suspek juga menggunakan nombor pendaftaran palsu dan dilaporkan hilang di Pengkalan Chepa di sini," tambahnya.

Jelasnya, kedua-dua suspek yang tidak mempunyai pekerjaan tetap disahkan positif dadah jenis methamphetamine.

"Suspek berusia 35 tahun memiliki 10 kesalahan lampau berkaitan dadah dan curi kenderaan di Kuala Lumpur dan Kelantan," ujarnya.